

Kempen Simpan Vaganza 2023 ("Kempen")

Terma dan Syarat

Kempen

1. Kempen ini dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (No. Pendaftaran: 197901003200 (47457-V)) ("ASNB").
2. Kempen ini bermula pada 00:00 jam (GMT + 8) 1 Mac 2023 dan berakhir pada 23:59 jam (GMT + 8) 29 Februari 2024 ("Tempoh Kempen"). ASNB berhak untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula atau melanjutkan Tempoh Kempen atas budi bicara mutlakannya.
3. Tempoh Kempen terdiri daripada tiga (3) fasa ("Fasa") seperti berikut:
 - a. Fasa 1: 1 Mac 2023 – 30 Jun 2023
 - b. Fasa 2: 1 Julai 2023 – 31 Oktober 2023
 - c. Fasa 3: 1 November 2023 – 29 Februari 2024
4. Dengan menyertai Kempen ini, peserta bersetuju untuk mematuhi semua terma dan syarat di bawah.

Kelayakan

1. Kempen ini terbuka kepada pemegang unit Amanah Saham Bumiputera ("ASB") dan Amanah Saham Bumiputera 2 ("ASB 2") (secara kolektif disebut "Unit Amanah Layak") sedia ada dan baharu kecuali semua kakitangan, pekerja dan keluarga terdekat (pasangan dan anak-anak) kepada kakitangan Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197801001190 (38218-X)) ("PNB") dan/atau entiti-entiti berikut yang mana terpakai:
 - i. PNB;
 - ii. ASNB;
 - iii. Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (No. Pendaftaran 198801008611 (175967-W));
 - iv. PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad (No. Pendaftaran 200001015384 (517991-A));
 - v. PNB Research Institute Sdn. Berhad (No. Pendaftaran 198501007000 (139442-U));
 - vi. Jewel Digital Ventures Sdn Bhd (No. Pendaftaran 201901007717 (1317044-M));
 - vii. Raiz Malaysia Sdn Bhd (No. Pendaftaran 201801021108) (1283127-W); dan
 - viii. Mana-mana syarikat dan/atau entiti lain yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah PNB/ASNB.
2. Peserta Kempen ("Peserta") adalah terdiri daripada pemegang unit berdaftar Akaun Dewasa atau Akaun Remaja dalam Unit Amanah Layak dan pemegang unit baharu yang membuka akaun semasa Tempoh Kempen.

3. Untuk layak menyertai Kempen ini, Peserta mesti memenuhi syarat-syarat berikut:
 - i. Peserta mestilah membuat pelaburan terkumpul minimum Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) dalam mana-mana Unit Amanah Layak dalam mana-mana Fasa pada Tempoh Kempen.
 - ii. Peserta mestilah berjaya membuat pelaburan dalam bentuk tunai melalui platform ("Platform") berikut:
 - a. kaunter cawangan ASNB dan ejen-ejen ("Kaunter");
 - b. myASNB iaitu portal (www.myasnb.com.my) dan/atau aplikasi mudah alih;
 - c. perbankan internet ejen-ejen yang menawarkan transaksi unit amanah ASNB;
 - d. mesin ATM Maybank, CIMB Bank dan mana-mana mesin ATM yang menawarkan transaksi Unit Amanah Layak;
 - e. mesin kiosk di cawangan ASNB;
 - f. Skim Potongan Gaji ("SPG") (Kerajaan dan syarikat swasta);
 - g. Arahan Tetap melalui Maybank dan Bank Simpanan Nasional

Mekanisme Kempen

1. Apabila Peserta layak menyertai Kempen, Peserta akan memperoleh mata penyertaan (*Entries*) ("Penyertaan") yang mana setiap Penyertaan akan layak untuk pemilihan Pemenang Kempen ("Pemenang") secara rawak melalui sistem komputer yang dikendalikan oleh ASNB bagi memenangi hadiah yang ditawarkan.
2. Amaun pelaburan yang layak untuk memperoleh Penyertaan adalah minimum Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) pelaburan terkumpul semasa mana-mana tempoh pemilihan Pemenang. Peserta juga mestilah mempunyai peningkatan dalam jumlah pegangan pada tempoh pelaburan yang ditetapkan untuk layak pada pemilihan pemenang (seperti Jadual 2) ("Tempoh Pelaburan"). Untuk amaun pelaburan yang layak, Peserta berhak untuk mengumpul Penyertaan seperti berikut:

Jadual 1

Amaun Pelaburan Yang Layak	Bilangan Penyertaan	Catatan
Minimum Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) pelaburan terkumpul pada setiap Fasa	SATU (1) Penyertaan untuk setiap RM1.00	Tambahan 10,000 Penyertaan untuk Peserta yang mendaftar kempen melalui SMS/ borang online Microsoft (MS form)

3. Peserta yang membuat pendaftaran untuk kempen melalui SMS dan/atau MS form dan membuat pelaburan terkumpul minimum Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) layak mendapat 10,000 Penyertaan tambahan. Maklumat berkaitan pendaftaran melalui SMS/MS form boleh didapati dalam promosi Kempen di laman sesawang ASNBN (www.asnb.com.my), portal myASNBN (www.myASNBN.com.my), aplikasi myASNBN, media sosial ASNBN dan mana-mana saluran media yang berkaitan.
4. Peserta berhak untuk mengumpul Penyertaan sebanyak mungkin sepanjang Tempoh Kempen.

Hadiah dan Pemilihan Pemenang

1. Kempen ini menawarkan hadiah bagi Fasa 1 hingga Fasa 3 dan hadiah utama seperti berikut:
 - a) Hadiah Fasa 1 hingga Fasa 3
 - i. Terdapat DUA (2) kali pemilihan pemenang untuk setiap Fasa yang menawarkan hadiah unit amanah. Tempoh Pelaburan yang layak untuk setiap pemilihan pemenang adalah seperti berikut:

Jadual 2

Fasa	Tempoh Pelaburan	
	Pemilihan Pertama	Pemilihan Kedua
1	1 Mac - 30 April 2023	1 Mei - 30 Jun 2023
2	1 Julai - 31 Ogos 2023	1 September - 31 Oktober 2023
3	1 November - 31 Disember 2023	1 Januari 2023 - 29 Februari 2024

- ii. Kempen ini menawarkan sebanyak 576 pemenang untuk setiap pemilihan atau 1,152 pemenang untuk setiap Fasa. Jumlah hadiah dan bilangan pemenang terperinci untuk setiap pemilihan dan jumlah setiap Fasa adalah seperti berikut:

Jadual 3

Tempat	Hadiah Unit Amanah	Bilangan Pemenang Setiap Pemilihan	Bilangan Pemenang Setiap Fasa
Pertama	RM15,000	1	2
Kedua	RM5,000	10	20
Ketiga	RM3,000	15	30
Keempat	RM1,000	50	100
Saguhati	RM100	500	1,000
Jumlah		576	1,152

b) Hadiah Utama

- i. Setiap Fasa menawarkan Hadiah Utama yang akan dipilih daripada Peserta yang mempunyai Penyertaan minimum 5,000 dan mesti mempunyai peningkatan jumlah pegangan pelaburan dalam tempoh pelaburan pada setiap Fasa.
- ii. Berikut adalah Hadiah Utama dan tempoh pelaburan bagi Fasa 1 hingga Fasa 3.

Jadual 4

Fasa	Tempoh Pelaburan Terkumpul	Bilangan Pemenang	Hadiah
1	1 Mac – 30 Jun 2023	1	Toyota Yaris 1.5J A/T
2	1 Julai – 31 Oktober 2023	1	Toyota Yaris 1.5J A/T
3	1 November 2023 – 29 Februari 2024	1	Toyota Corolla Cross 1.8G A/T

- iii. Pemenang Hadiah Utama perlu menanggung yuran pendaftaran kereta, cukai jalan, perlindungan insuran dan sebarang kos lain yang berkaitan dengan Hadiah Utama kerana ASNBN tidak akan bertanggungjawab dalam menanggung sebarang kos untuk yuran pendaftaran kereta, cukai jalan, perlindungan insuran dan sebarang kos lain berkaitan dengan Hadiah Utama.
2. Peserta layak memenangi hanya SATU (1) kali hadiah unit amanah dalam mana-mana Fasa pada Tempoh Kempen.
 3. Pemenang hadiah unit amanah layak untuk memenangi Hadiah Utama tetapi seorang Peserta hanya layak memenangi SATU (1) kali Hadiah Utama.
 4. Pemenang akan dipilih secara rawak melalui sistem cabutan berkomputer yang diuruskan oleh pihak ASNBN.
 5. Semua hadiah dalam bentuk unit amanah ASNBN (kecuali hadiah dalam Jadual 4) dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai. ASNBN berhak menawarkan hadiah dalam bentuk mana-mana unit

amanah ASNB tertakluk kepada terma dan syarat kelayakan pelaburan ke atas Pemenang atas sebab-sebab tertentu dan atas budi bicara mutlakny.

6. Untuk menebus hadiah unit amanah yang dimenangi, Pemenang perlu mempunyai mana-mana akaun unit amanah ASNB. Pelaburan permulaan dan/atau caj berkaitan yang perlu untuk menebus hadiah adalah ditanggung oleh Pemenang.
7. Sekiranya seseorang Pemenang tidak memberi maklum balas dan/atau memenuhi sebarang keperluan berkaitan urusan hadiah dalam tempoh yang ditetapkan selepas dihubungi oleh ASNB melalui sebarang saluran komunikasi yang bersesuaian, ASNB berhak membatalkan kemenangan tersebut.
8. ASNB berhak untuk mengganti dengan hadiah lain yang sama nilainya pada bila-bila masa atas budi bicara mutlakny.
9. Hadiah unit amanah akan dikreditkan ke dalam akaun unit amanah Pemenang selepas TIGA (3) bulan dari Tempoh Kempen berakhir.
10. Pemenang Hadiah Utama akan dihubungi oleh ASNB bagi tujuan urusan pengambilan hadiah dalam masa TIGA (3) bulan selepas senarai Pemenang diumumkan.
11. Senarai Pemenang akan dimaklumkan oleh pihak ASNB melalui mana-mana kaedah komunikasi yang bersesuaian dan akan disiarkan di laman web ASNB (www.asnb.com.my) atau platform media sosial yang diuruskan oleh ASNB.

Lain-lain Terma dan Syarat

1. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta telah bersetuju dengan terma dan syarat Kempen ini. Keputusan ASNB, sebagai penganjur, adalah muktamad dan sebarang rayuan dan/atau pertikaian tidak akan dilayan.
2. Peserta juga bersetuju bahawa melalui Penyertaan mereka di dalam Kempen ini, Peserta membenarkan ASNB dan ASNB berhak untuk menggunakan nama, butiran peribadi dan gambar Pemenang untuk tujuan pemasaran, pengiklanan dan publisiti, menurut peruntukan perundangan berkaitan, tanpa membayar sebarang kos atau pampasan.
3. Semua Pemenang Kempen ini bertanggungjawab ke atas segala cukai, kadar, fi atau sebarang bayaran yang mungkin dikenakan ke atas mereka menurut undang-undang berkaitan dengan hadiah-hadiah dan Kempen ini.
4. ASNB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau kerugian, samada secara langsung atau tidak langsung, yang berlaku berkaitan dengan Kempen ini. ASNB juga tidak boleh dipertanggungjawabkan jika berlaku sebarang kejadian bencana semula jadi, peperangan, rusuhan, mogok, sekatan, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik, pandemik, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang kejadian yang di luar kawalan ASNB.

5. ASNB berhak untuk meminda, memendekkan, membatalkan, menggantung atau menamatkan Kempen ini secara keseluruhan atau sebahagian atau untuk mengubah, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis melalui www.asnb.com.my atau saluran media sosial ASNB.
6. ASNB berhak untuk menarik semula/membatalkan penyertaan mana-mana Peserta yang tidak mematuhi terma dan syarat seperti yang dinyatakan dan/atau didapati atau disyaki telah mengganggu proses Kempen atau perjalanan Kempen ini. Gangguan yang dimaksudkan merangkumi kegiatan penipuan yang melibatkan sebarang tipu daya, penipuan dan/atau pemalsuan berkaitan dengan Kempen.
7. ASNB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian yang ditanggung oleh Peserta yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada penglibatan Peserta dalam Kempen ini.
8. Terma dan Syarat Kempen ini akan mengatasi mana-mana peruntukan atau kenyataan berkaitan Kempen ini yang terkandung dalam mana-mana bahan-bahan promosi samada bercetak atau elektronik.
9. Terma dan Syarat Kempen ini tertakluk pada undang-undang Malaysia.
10. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau konflik di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu bagi Terma dan Syarat Kempen ini, versi Bahasa Inggeris akan terpakai.